



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 19 JUN 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------|---|---------------------------------------|
| 1. | AN NUR FARM JANA HASIL KEPADA MAN, NIAGA, KOSMO -38 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 2. | PEOPLE QUEUE UP AND BUYING PORK AT CHEAPER PRICE, NATION, KWONG WAH YIT POH -A1 & A5 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 3. | LEMBU JENIS KK JADI PILIHAN UNTUK IBADAH KORBAN, DALAM NEGERI, UM -36 | |
| 4. | LOKAL, HM -25 | |
| 5. | POPULASI LEMBU HYBRID BERNILAI RM193 JUTA, KELANTAN, HAKAKAH -13 | |
| 6. | MALAYSIA MILIKI TIGA SPESIES BELANGKAS DUNIA, NASIONAL, SH -9 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 7. | SCARCITY AT SEA, MUKA DEPAN, THE STAR -1 | |
| 8. | LEADING TO THE PERFECT STOEM, NATION, THE STAR -5 | |
| 9. | JUST 1°C RISE IN TEMPERATURE CAN LEAD TO EMPTY NETS, NATION, THE STAR -5 | |
| 10. | FISHERMEN FEELING THE HEAT OF CLIMATE CHANGE, NATION, THE STAR -5 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 11. | DURIAN RAUB UNTUK PASARAN CHINA, NIAGA, KOSMO -37 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



SALAH seorang pelajar tahfiz memberi makan kepada kambing yang ditenak di Ladang An Nuur.



MUHAMMAD FIRDAUS (kanan) bersama pembantunya menunjukkan rock melon yang subur ditanam secara fertigasi.

An Nuur Farm jana hasil kepada MAN

PLATFORM PKS

TANGKAK - Minat mendalam terhadap bidang pertanian sejak berusia 10 tahun dengan bercucuk tanam sayur-sayuran di kawasan rumah dan menjualnya di pasar kini menjadikan Muhammad Firdaus Ismail petani dan penternak berjaya seterusnya mengkomersialkan satu projek penting untuk membantu menajana pendapatan sebuah pusat tahfiz di sini.

Pengasas syarikat Kelulut Madu Enterprise yang juga kini berkhidmat sebagai Guru Penolong Kanan (GPK) 1, Madrasah An-Nuur (MAN) begitu sibuk dengan aktiviti sebagai operator mengendalikannya An Nuur Farm (Ladang An Nuur) milik pusat tahfiz tersebut di Parit Sekoyan Laut, Kesang laut seluas 0.8 hektar sejak tahun 2013.

Anak kelahiran kampung tersebut yang berusia 35 tahun dan memiliki pengalaman lebih 10 tahun dalam bidang penternakan madu mula terlibat dalam perniagaan itu setelah ditawarkan oleh seorang bapa pelajar tahfiz untuk mempelajari bidang penternakan kelulut.

Selesai menjalani kursus, beliau bersama seorang lagi guru tahfiz secara kebetulan telah dipelawa untuk mengambil alih 77 sarang lebah kelulut milik seorang penternak yang sedang sakit kerana dia sudah tidak berdaya untuk menguruskannya.

"Kami ditawarkan untuk mengambil alih sarang milik



MUHAMMAD FIRDAUS bersama Nor Effendi (kiri) berada di hadapan ladang An Nuur yang dluashakan mereka sejak tahun 2013 di Kesang Laut, Tangkak.

peniaga itu. Jika tidak, kelulut tersebut akan mati, oleh itu, kami membawa kesemua sarang kelulut berkenaan ke Ladang An Nuur dan hasil keuntungan kami bahagi sama rata.

"Bermula di situ, kami mula membesarkan projek madu kelulut dan ia sangat menggalakkan jika tiba musim bunga yang mana rata-rata ladang tersebut ditanam dengan pokok kelapa.

"Apabila tiba musim bunga, tuai yang dibuat dua kali sebulan itu mampu menghasilkan sehingga 80 kilogram yang mana harga jualannya secara borong adalah antara RM150 hingga RM180 sekilogram.

"Musim bunga di sini adalah antara bulan Mac hingga Jun tetapi apabila di luar musim bunga, hasil madu kelulut adalah kira-kira 40 kilogram sebulan sahaja," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Turut hadir Pengasas dan Pengetua Man, Noor Effendi Ha-

mid.

Muhammad Firdaus berkata, projek madu kelulut kini menjadi sumber kewangan kedua terbesar kepada hasil perolehan MAN selain yuran bulanan dan jualan runcit kafe di pusat tahfiz tersebut serta dua buah koperasi utama di situ.

Beliau berbangga dapat menjayakan projek ladang itu untuk membantu meningkatkan ekonomi MAN selain memberi peluang kepada beberapa pelajar tahfiz yang berminat untuk terlibat dalam projek berkenaan.

"Buat masa sekarang, ada dua pelajar akan membantu menjual hasil kelulut kerana kami sebenarnya tidak mahu mengganggu sesi pembelajaran mereka di madrasah.

"Kami juga mewakilkan seorang pelajar untuk mengendalikannya projek fertigasi tanaman buah rock melon atau tembikai wangi dan ia bakal dituai dalam tempoh dua minggu akan da-

tang," katanya.

Muhammad Firdaus berkata, tanaman rock melon yang melibatkan sebanyak 40 pokok itu adalah projek kedua ladang berkenaan setelah berjaya menanam pokok cili secara fertigasi sebelum ini, bagaimanapun sesi peneaian pokok cili yang terlalu rumit dan melibatkan masa serta tenaga, membuatkan pihaknya mencari alternatif lebih mudah.

Kejayaan projek fertigasi itu telah membuatkan Jabatan Pertanian terus membantu projek Ladang An Nuur dengan menyediakan pelbagai inisiatif termasuk bantuan terbaharu berupa sistem fertigasi lebih canggih yang bernilai RM20,000.

"Kami bercadang untuk meluaskan lagi projek rock melon kepada 1,000 pokok pada masa depan," jelasnya sambil memberitahu terdapat tanaman pokok jambu batu untuk menambah lagi pendapatan yang dijual secara runcit kepada komuniti.

Minat dan usaha Muhammad Firdaus itu sering mendapat sokongan daripada Noor Effendi yang meneruskan projek penternakan kambing di ladang itu.

Ia kini memiliki 60 ekor kambing jenis biri-biri dan boer sejak tiga tahun lalu.

Pemintaan yang tinggi daripada penduduk kampung khususnya memenuhi keperluan korban pada Hari Raya Aidiladha membuatkan ladang ini semakin popular kerana berjaya menghasilkan binatang ternakan yang sihat dengan daging berkualiti.

Beliau juga akan meneruskan projek baharu dengan menternak ikan keli dalam baki kawasan ladang tersebut yang mana ia juga bertujuan untuk memenuhi keperluan bekalan sumber makanan untuk pelajar tahfiz di MAN.

Kepuasan diri dan kesungguhan Muhammad Firdaus dalam mengembangkan perniagaan sedia adanya serta dalam masa yang sama menyumbang kepada pendapatan MAN menjadikan beliau tidak pernah berasa lelah dan jemu, malah terus bersemangat untuk menaikkan petunjuk prestasi utama (KPI) bagi menjayakan projek berkenaan setiap tahun.

Beliau mahu menambah lagi sumbangan hasil dari Ladang An Nuur kepada lebih daripada RM10,000 setiap tahun dalam tempoh dua atau tiga tahun akan datang.

Lebih menarik, ladang berkenaan telah menerima banyak kunjungan daripada Pegawai Daerah Tangkak, pengurusan kanan jabatan pertanian, penyarah dari institusi pengajian tinggi, malah juga lawatan daripada pelajar sekolah yang mahu melihat dengan lebih dekat hasil air tangannya itu.

Durian Raub untuk pasaran China

SEMBANG KORPORAT



DURIAN sentiasa dilihat sebagai raja buah dalam kalangan masyarakat di negara ini disebabkan bentuknya yang unik, rasanya yang kaya dan harganya yang semakin melambung tinggi sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Lonjakan harga durian biasanya dikaitkan dengan permintaan pasaran luar negara yang tinggi terutamanya di China.

Durian merupakan buah import

paling pantas berkembang di pasaran China dengan nilai runcit dari renminbi (RMB) 21 bilion (RM13.6 bilion) pada tahun 2019 kepada RMB52.4 bilion (RM33.93 bilion) pada tahun 2021 iaitu Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompau (CAGR) sebanyak 57.7 peratus.

Ketika ramai beranggapan Malaysia memiliki kelebihan kompetitif tersendiri dalam pengeluaran durian, perlu

diketahui kita hanya berada di kedudukan keempat dalam penghasilan durian global pada 2021 dengan pengeluaran sebanyak 450,000 tan, jauh di belakang Indonesia (1.52 juta tan), Thailand (1.35 juta tan) dan Vietnam (720,000 tan).

Kosmol baru-baru ini berkesempatan bertemu **Timbalan Pengerusi Royal Pahang Durian Group (RPDG), Datuk Albert Chang Si Fock**

sewaktu melawat ladang durian mereka yang berkeluasan 1,000 ekar atau 404 hektar di Raub, Pahang.

Dalam lawatan berkenaan, beliau membincangkan mengenai struktur perniagaan holistik yang dirancang syarikat untuk mewujudkan satu rangkaian bekalan dari kebun-kebun durian di Raub terus kepada pengguna di China, selain isu-isu semasa yang kritikal dalam industri.

KOSMO: Di mana kedudukan Malaysia dalam pasaran durian di China berbanding negara pesaing?

ALBERT: Thailand sudah pun mengeksport musang king mereka ke China dan Pulau Hainan di China juga sedang mengusahakan varian musang king mereka sendiri dengan anggaran sebanyak 2,450 tan akan memasuki pasaran pada Jun ini.

Bagaimanapun, China merupakan sebuah negara subtropika sedangkan durian merupakan buah tropika, jadi kualiti buah yang dihasilkan mereka tidak mungkin sama.

Kita mungkin tidak mampu bersaing dengan negara-negara pengeluar utama lain dari segi kuantiti, namun dari sudut kualiti, durian kita sentiasa dilihat sebagai antara yang terbaik. Durian musang king Malaysia dalam bentuk sejuk beku telah diterima sebagai variasi durian premium dan unggul di sana.

Pada masa sama, Indonesia selaku pengeluar durian terbesar ketika ini masih tidak memiliki protokol eksport dan capaian pasaran ke China. Seandainya Indonesia memperoleh akses pasaran ek-



MALAYSIA, Thailand, Vietnam dan Filipina kini memiliki kelulusan protokol eksport durian ke China. - GAMBAR HIASAN

sport dalam bentuk buah segar beserta versi musang king mereka sendiri, persaingan pasaran akan menjadi lebih sengit dan membimbangkan.

Bagaimana sambutan durian Malaysia di China?

Data menunjukkan pertumbuhan eksport yang baik bagi durian Malaysia ke China dari 2019 hingga 2021. Pada 2019, jumlah import durian Malaysia di China hanyalah 6,000 tan iaitu satu peratus daripada keseluruhan durian import di China sebanyak 605,000 tan.

Pada 2021, jumlah durian import Malaysia di China berjumlah 17,000 tan, sekitar dua peratus daripada keseluruhan durian import di sana sebanyak 822,000 tan.

Selain durian Thailand dan Malaysia, durian Vietnam juga telah memiliki kelulusan protokol import ke China sejak Julai 2022, manakala durian Filipina baru sahaja beroleh kelulusan protokol import ke China pada Januari lalu.

Pasaran durian China dianggarkan berkembang sehingga RMB130 bilion (RM83.14 bilion) menjelang tahun 2026. Mengam-

bil kira pertumbuhan pasaran yang pesat dengan kemasukan akses pasaran dari Vietnam dan Filipina, RPDG berpendapat bahawa perlu diwujudkan sebuah Lembaga Perindustrian Durian Malaysia.

Apa cabaran yang dihadapi pengeksport durian tempatan ke China?

Pada Januari lalu, pengeksport tempatan menyuarakan bahawa pengimport dari China telah mula mewujudkan spesifikasi dan standard pengedaran mereka sendiri yang lebih ketat untuk durian Malaysia.

Ini mengakibatkan pengeksport tempatan semakin sukar untuk memenuhi kriteria ditetapkan untuk gred durian lebih tinggi. Pengeksport tempatan mula merasai tekanan harga serta impak daripada amalan pengimport luar negara dan hal ini sememangnya sudah kami jangkakan.

Terdapat juga beberapa laporan dan kajian penyelidikan yang menentang masalah yang berkaitan dengan peningkatan pengaruh oleh pengeksport asing dalam pasaran durian di Thailand.

Apa strategi syarikat untuk memacu industri durian di Raub demi pertumbuhan mampan jangka panjang?

Sejak tahun 2019, RPDG dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang telah berusaha menggerakkan dan menstrukturkan industri pertanian durian yang berpecah-belah di daerah Raub agar menjadi perniagaan yang holistik dan teratur.

Terdapat isu pecahan industri, risiko pengaruh pengeksport asing yang semakin meningkat dalam rantaian bekalan tempatan, kekurangan spesifikasi penarafan durian yang tetap, fluktuasi harga durian di ladang dan masalah yang berkaitan dengan ladang tidak berdaftar di Raub.

RPDG telah merumuskan model perniagaan yang berorientasikan B2C (perniagaan ke pengguna) secara menyeluruh dengan tujuan memastikan pembelian dan bekalan buah durian melalui penubuhan usaha sama dengan rakan kongsi dari China, iaitu Parkview Group.

Strategi ini seakan sama dengan kaedah Charoen Pokphand Group dari Thailand, yang telah mewujudkan rantaian bekalan bermula kebun durian di Thailand sehingga kepada pengguna akhir di pasaran China.

Februari lalu, pihak-pihak yang terlibat telah menandatangani memorandum untuk membentuk syarikat usaha sama yang diperbadankan di Republik Rakyat China untuk tujuan ini.

Setelah memuktamadkan model perniagaan berorientasikan B2C secara menyeluruh dengan rakan kongsi China pada Mei, dan bersandarkan aduan oleh peladang mengenai manipulasi oleh orang tengah, peraih dan pengeksport, maka RPDG mengalu-alukan peladang tanpa dokumen di Raub untuk turut serta dalam perniagaan eksport durian melalui syarikat usaha sama tersebut sebagai pemegang saham bersama.

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | People queue up and buying pork at cheaper price | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 19 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A1,A2 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 671 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,523 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 22,569 |



| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | People queue up and buying pork at cheaper price | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 19 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A1,A2 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 671 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,523 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 22,569 |

猪肉大促销 安乐迎端午

2千人冒雨抢购便宜肉

【北海18日讯】人民掀起抢购便宜猪肉热潮！

“猪肉大促销，安乐迎端午”活动周日上午在北海打墨士加玛金山伯公庙篮球场举行。

尽管活动上午8时才开始，但清晨5时许就有民众冒雨排队携家人前来，“排头位”等待活动开始，甚至有定期煲汤的北海民众为了买到便宜猪肉，特意提前一天回柔佛。

现场不一会儿就排满抢购猪肉的人潮，预计有2000人前来抢购。

黄振玉冒雨首位到场

居住在北海峇里区罗弄古柏(Lorong Kubur)的黄振玉(58岁)是首位到场的民众，她周日冒着倾盆大雨，在清晨5时30分乘摩托抵达现场，准备购买4公斤猪肉。

她说，这些猪肉一部分用来做肉骨茶，一部分是烹煮其他菜式。

她说，平时都得早起身去庙宇做义工，本来打算凌晨4时就来排队。

黄文翰每周有大促销

双溪浮油区居民黄文翰(45岁)说，清晨6时他与父母已经到场，当时只有10几个人，有的猪肉档还没有到场。

他表示，他们3人各别买4公斤猪肉，用于煮粉和煮凉粉。

他认为，猪肉促销活动可为民省钱，所以希望每个星期都有猪肉促销活动。

陈先生：特意延后一天回柔佛

来自北海的陈先生(60多岁)与来自柔佛的太太定在柔佛，但为了买到便宜猪肉，两人特意在北海多逗留一天。

他说，端午节要到了，猪肉价格又很贵，猪肉促销活动，真的为民众省了很多钱，尤其是贫穷人家。



在“猪肉大促销”活动现场望去，人山人海，人们疯抢便宜猪肉。

林上来：买猪肉回家裹粽子

双溪浮油区居民林上来(54岁)说，早上7时30分与太太开心抵达现场，准备买猪肉回家裹粽子。

22猪肉商参与

参与“猪肉大促销”活动的猪肉商共有22人，每人供应4头生猪，每位民众限购4公斤猪肉，每公斤猪肉比市价便宜10令吉。

这场活动耗资13万令吉，由农业及粮食安全部副部长陈泓缜拨3万令吉、峇里区国会议员林冠英拨4万令吉，双溪浮油区州议员彭文宝、峇里峇里区州议员孙志和峇里峇里区州议员沙迪史各拨2万令吉。



首个到场的黄振玉感到开心。

▲陈姓夫妇回柔佛前在北海买到便宜的生猪肉。

▶黄文翰带着父母前来抢购猪肉，预计省下120令吉。

▼猪肉明码标价，方便民众选购。

| 猪肉 | 重量 | 价格 |
|----|-----|----|
| 全猪 | 140 | 30 |
| 猪肉 | 50 | 22 |
| 猪肉 | 25 | 18 |
| 猪肉 | 25 | 15 |

北海民隆 一人限购4公斤猪肉 (优惠价为10令吉)



人民冒雨排队抢购生猪肉。



陈泓缜(中)召开记者会，林冠英(左2)和彭文宝(右1)等人的陪同。

陈泓缜：助猪农转型

探讨提供低息贷款

农业及粮食安全部副部长陈泓缜指出，猪肉向来面对准贷款或融资问题，因此目前联邦政府正探讨从政策上，为猪肉业提供低息贷款或融资方面的协助，以促进该行业的转型升级。

他说，很多商业银行因不熟悉畜牧业的风险，不敢批贷贷款予猪农，至于其部门旗下的农业银行(Agro Bank)，则只能批贷贷款予符合伊斯兰教义的生意。

“猪肉”这并非清真，农业银行也无法协助，所以我要求政府在这方面需要寻找管道，如何让猪农有机会享有低息贷款，否则难以提升整个行业。

他说，各州政府此前提供的援助多为土地使用权的保障，因此联邦政府应从政策上提供低息贷款或融资方面的协助。

他周日在北海打墨士加玛金山伯公庙篮球场，为“猪肉大促销，安乐迎端午”活动主持开幕后，于记者会上这么说。

转型成封闭式现代化养殖场

陈泓缜表示，猪肉价格的波动主要是供应吃紧造成，而非非洲猪瘟也是起因，因此要解决猪肉涨价问题，就必须回到源头，即政府提供实际性帮助，让传统猪农提升技术，转型成封闭式现代化养殖场。

他表示，在上周五召开的肉禽粮食安全会议上中提议，7月1日起新开设的养殖场必须为现代化农场，但要如何达到，就要设法协助猪农转型，毕竟农场转型所需成本庞大。

一般农场是以母猪数量计算，一头母猪饲养费约2万5000令吉，这需要探讨如何给津贴和协助，才可以协助整个行业达到转型。

他说，非洲猪瘟影响供应，需要长期措施调整猪只数量，达到供需平衡，才能稳定猪肉价格，同时必须确保以后的农场不再受疾病的影响。

“所以不能只靠非洲猪瘟猪肉(价格高昂)就与之无关，这对市场肉价还是会有影响。”

他表示，华社也是消费者，也应享有合理猪肉价格，而农业及粮食安全部正副部长秉持开明态度处理此事，相信不久后会有好消息。

林冠英：北海首办大促销 88头猪4小时售罄

国会议员林冠英表示，北海首开先河举行“猪肉大促销”，是全马历史性的第一。

他说，虽然猪肉价格提高对穆斯林没有影响，但并非穆斯林买不起猪肉时，可能会选择其他肉类如鸡肉，这也会导致鸡肉供应受影响。

“所以不能只靠穆斯林不碰猪肉(价格高昂)就与之无关，这对市场肉价还是会有影响。”

他表示，华社也是消费者，也应享有合理猪肉价格，而农业及粮食安全部正副部长秉持开明态度处理此事，相信不久后会有好消息。

当天促销活动在上午8时开始，88头猪4小时便售罄。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|-----------------|------------|
| 19/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 36 |

Lembu jenis KK jadi pilihan untuk ibadah korban

GUA MUSANG: Lembu baka Kedah Kelantan (KK) mendapat permintaan tinggi untuk dijadikan haiwan korban sempena Hari Raya Aidiladha tahun ini berikutan harganya yang murah.

Ketua Unit Penterernakan Kesedar Dagang Sdn. Bhd. (KDSB), Muhamad Azri Roslin berkata, permintaan tinggi membuatkan pihaknya terpaksa menambah 150 ekor lembu dari baka itu bagi menampung permintaan.

“Ini merupakan tahun kedua KDSB membuat projek lembu korban apabila setakat ini sebanyak 50 ekor lembu baka berkenaan berjaya dijual termasuk daripada pembeli di luar Kelantan.

“Sebahagian daripada 100 ekor lagi di kandang telah mendapat tempahan dan ada di antaranya akan dihantar kepada pembeli di Negeri Sembilan minggu ini,” katanya ketika ditemui di kandang lembu Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Kesedar Sungai Asap, di sini semalam.

Muhamad Azri memberitahu, pihaknya turut membuat jualan



MUHAMAD Azri Roslin (dua dari kiri) menunjukkan lembu baka KK yang digunakan bagi menampung permintaan ibadah korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

mengikut ekor berdasarkan gred saiz lembu.

Katanya, sebanyak tiga pilihan untuk daging lembu korban iaitu gred A, B, dan C atau gred premium dan yang paling tinggi adalah gred kayangan.

“Biasanya lembu berat 330 kilogram (kg) ke atas dikelaskan sebagai gred besar dan lembu yang beratnya antara 190 hingga

220kg adalah gred kecil.

“Tawaran bermula pada harga RM650 untuk gred C bagi setiap satu bahagian dan yang paling mahal berharga RM900 untuk gred kayangan,” katanya.

Muhamad Azri berkata, KDSB mempunyai dua jenis kandang lembu yang berbeza iaitu kandang yang menempatkan lembu korban dan lembu pedaging.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 19/6/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 25 |



KETUA Unit Penternakan Kesedar Dagang Sdn Bhd (KDSB) Muhamad Azri Roslin memantau lembu ditempatkan di kandang di Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Kesedar Sungai Asap, Gua Musang, Kelantan. Sebagai satu usaha memenuhi permintaan sambutan Aidiladha tidak lama lagi, KDSB menyediakan 150 lembu korban, malah membuat penghantaran ke seluruh negeri di Semenanjung dengan minimum pembelian borong bermula 15 ekor ke atas. Muhamad Azri berkata, dari jumlah tersebut 50 lembu baka Kelantan Kedah (KK) berjaya dijual dan mendapat sambutan pembeli dari luar negeri yang dibeli terus seekor lembu atau mengikut bahagian korban.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------|----------|------------|
| 19/6/2023 | HARAKAH | KELANTAN | 13 |

Populasi lembu hybrid bernilai RM193 juta

KOTA BHARU: Kelantan mempunyai populasi lembu hibrid berkualiti sebanyak 24,291 ekor yang diusahakan 5,500 penternak.

Menteri Besar, Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob berkata, nilai ternakan tersebut lebih RM193 juta yang mampu mengeluarkan daging sebanyak 5,518.2 tan metrik.

Selain itu katanya di Kelantan terdapat sebanyak 22 ladang pengeluaran daging hibrid NAIM-BIF yang diiktiraf Jabatan Veterinar.

"Berdasar perkembangan itu Kelantan menyoal muncul sebagai pengeluar utama daging di negara ini melalui pelaksanaan Projek Penternakan Lembu Pedaging (Hibrid).

"Program itu dilaksanakan di bawah Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan," katanya selepas merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan 2023 di Pantai Irama



Ustaz Ahmad Yakob meninjau lembu hibrid yang dipamerkan pada sambutan Hari Peladang.

Khamis lepas.

Pada program perasmian tersebut Menteri Besar menerima sijil pengiktirafan Malaysia Book of Records bagi Rekod Malaysia Himpunan Terbesar Lembu Hibrid.

Sijil pengiktirafan tersebut diserahkan wakil rasmi Malaysia Book of Records, Accounts Executive Malaysia Book of Records, Mohamad Nazrul Hafizi Ahmad Fauzi.

Sambutan Hari Peladang tersebut menghimpunkan sebanyak

213 ekor lembu hibrid dengan penyertaan seramai 113 penternak. Lembu tersebut dianggap bernilai lebih RM2 juta.

Menteri Besar juga berkata, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM1.89 juta sebagai usaha membangunkan projek berkenaan.

Katanya, peruntukan RM1.89 juta meliputi ternakan lembu pedaging di Ladang Rong Chenok Pasir Mas di kawasan seluas 100 ekar.

Malaysia miliki tiga spesies belangkas dunia

SHAH ALAM - Malaysia memiliki tiga daripada empat spesies belangkas di dunia iaitu *carinorcorpius rotundicauda* (Cr), *tachypleus tridentatus* (Tt) dan *tachypleus gigas* (Tg) manakala *limulus polyphemus* (Lp) hanya terdapat di Amerika Utara.

Ketua Projek Translasiional Belangkas Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Dr Noraznawati Ismail berkata, spesies Tg dan Cr terdapat di perairan Kemaman, Terengganu khususnya di Kuala Kemaman.

Menurutnya, belangkas merupakan haiwan prasejarah atau dikenali sebagai haiwan fosil yang wujud sejak 200 juta tahun dahulu dan masih kekal hidup

kepuasan itu.

"Namun ia perlu dilakukan pada skala besar dan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat," katanya dalam kenyataan pada Ahad sempena sambutan Hari



Pelepasan benih belangkas di perairan Kemaman, Terengganu.

Belangkas Sedunia yang diraikan setiap 20 Jun.

Sehubungan itu ujar Noraznawati, program pelepasan 1,469 benih belangkas di perairan Kemaman dapat

memenuhi keperluan projek yang dijalankan melibatkan aktiviti peneluran, penetasan dan pelepasan serta melatih juru pandu belangkas melibatkan komuniti setempat.

Tambahnya, ia titik permulaan memperkenalkan belangkas sebagai produk pelancongan dan menjadikan Hatcheri Belangkas UMT Kuala Kemaman (HBUKK) sebagai lokasi pelancongan berasaskan komuniti (CBT) yang ketujuh di daerah Kemaman.

"Pusat ini dibangunkan UMT sejak tahun 2019 sebagai pusat pemindahan ilmu berkaitan belangkas yang pertama di pantai timur dan dilawati lebih 1,000 pelancong luar dan dalam negara.

"Pemilihan Pantai Telaga Simpul sebagai lokasi pelepasan juvenil belangkas sangat bertepatan memandangkan kawasan itu merupakan salah satu habitat semula jadinya.

"Belangkas akan datang bertelur di sepanjang pantai ini apabila tiba musimnya iaitu pada bulan Mei hingga Oktober," jelasnya.

Scarcity at sea

Climate change in our backyard has led to the fish population taking a dive. This in turn has caused catch rates to dwindle significantly. Adverse weather patterns are resulting in smaller fish sizes and even displacement of certain species, with consumers having to pay the price.

> See reports on page 5 by **KHOO GEK SAN** and **ARNOLD LOH**



Photo: ZHAFARAN NASIB/The Star

Just a 1°C rise in temperature can lead to empty nets

By **ARNOLD LOH**
arnold.loh@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Just five days of continuous hot weather is enough for corals to start bleaching and with their eventual death comes a chain reaction that eventually leads to fishermen returning with near-empty nets, says a marine biologist.

And the temperature rise can be as little as 1°C, said Universiti Sains Malaysia Centre for Marine and Coastal Studies director Prof Datuk Dr Aileen Tan.

"Corals are in the shallows and they do not move to cooler water like other marine life, so they are the first to suffer from heatwaves," she added.

She said the world had experienced the La Nina weather phenomenon for over two years, which usually resulted in wetter and cooler days for Malaysia.

La Nina ended early this year and the El Nino phenomenon is expected to kick in later this year, she added.

"In layman's terms, the sea is

becoming hotter, more sour and breathless. Inshore fishermen will suffer first because bigger, better fish will not want to venture into shallow waters with poor conditions.

"Deepsea trawlers will have to spend more time at sea to catch enough to meet demand. People will only realise they are in trouble when fresh, wild seafood becomes so expensive that they can't afford it," she said.

Prof Tan said she expected the seafood supply problem to worsen later this year, adding that as of now, marine organisms suffering the most would be fish and shrimp hatchlings.

"Just a few decimal points' difference in temperatures or acidity levels will stunt their growth. When they don't grow as expected in the coming months, fishermen will have problems catching enough seafood to meet demand," she added.

Instead of expecting fishermen to go farther in search of seafood, Prof Tan said investments in modern technology for open sea aqua-



Hardly any meat: Attempts to use a prawn net by this fisherman only resulted in about 1kg of juvenile mantis prawns. — ZHAFAFARAN NASIB/The Star

culture should have been done years ago.

Floating fish farms at sea, she said, would not compete for land resources.

"But such farms today still rely on techniques and technology used in the 1980s.

"We should have trained aquaculturists to embrace the Internet

of Things, sensor and other, undersea technology plus the use of modern material to build floating farms at open sea.

"But our floating fish farms today are still made of wooden planks and plastic drums. They can only be placed in a few naturally sheltered bays that are so shallow that the waste matter of the farmed fish builds up in the seabed below," she added.

Prof Tan urged policy makers to "come down from their ivory towers" to make proactive decisions on expediting open sea aquaculture.

For consumers, she said it was time to manage their finances by practising good consumerism.

"It is time for us to strive to understand market prices and not give in to desires and choose delectable fish without knowing that we are paying unduly higher prices.

"If we keep providing demand, then fishermen will keep looking for seafood to the point that they kill off the wild broodstock," she warned.

Fishermen feeling the heat of climate change

PETALING JAYA: Climate change is impacting catches and extreme weather changes are endangering the lives of fishermen, according to a group.

Pahang Deep Sea Association chairman Mohd Yusery Mohd Yusoff said with the sea heating up, fishermen were experiencing 40% less catch.

"This year's hot spell began in February, and catches have gradually decreased. Fish are like humans who seek shade in the hot weather," he pointed out.

He said once caught by local fishermen, the Humpback group (Kerapu tkus) was no longer seen in the same waters.

Yusery said the amount of fish caught these days was also significantly less.

"For example, fisherman used to catch up to 500kg of ikan kembong (Indian mackerel). Now it is nowhere near there," he added.

He said the wholesale price of ikan tongkol was at RM8 per kg, ikan selayang (RM10) and ikan kembong (RM18), with consum-

ers paying an additional RM4 to RM5 at the markets.

Yusery said the increased costs of going out to sea had also contributed to higher prices, adding that C2-type deep-sea fishing boats had diesel subsidies withdrawn by the government.

Such boats are usually operated by a crew of more than 10 and go beyond 30 nautical miles from shore, he added.

Yusery said without the subsidy, the price of diesel fuel had risen from RM1.80 per litre to

RM4.80 to RM5.

Malaysia Fish Industries General Association president Chia Tian Hee said climate change posed a threat to fishermen, with sudden storms at sea sinking fishing boats.

"Two fishing boats sunk over the last two to three months. Many fishing boats are upgrading their radars to detect weather patterns," he said.

He said although fishing boats were robust, the recent unexpected weather and big storms had

resulted in significant losses for fishermen.

Kuala Lumpur Hoi Seong Fish Wholesalers Association president Sing Kian Hock said local seafood production had fallen annually in recent years.

In Kuala Lumpur, the seafood supply was 40% local with the rest imported.

He said with more fish imports, prices increased and with the ringgit's depreciation, imported seafood had become more expensive.

Leading to the perfect storm

Expert: Climate change and uncontrolled fishing have led to declining fish hauls

By **KHOO GEK SAN**
gekstan@thestar.com.my

PETALING JAYA: Ocean warming is not only depleting fish stocks in the ocean, it is also resulting in smaller fish sizes and even displacement of certain species, a local study has revealed.

The current hot spell is not helping and to make matters worse, floods and droughts have directly or indirectly affected fishermen's catch, experts said.

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) vice-chancellor Prof Datuk Dr Mazlan Abd Ghaffar said as sea surface temperatures rose, the strength of tropical cyclones would increase the frequency of storms in the heart of the sea.

"This directly impacts the risk of fishermen going out to sea to catch fish. This is a global phenomenon, as recent studies have shown that climate change influences fish stocks with adverse effects on coral reefs, causing coral bleaching and altering the species composition and diversity.

"In this context, it is critical to understand the impact of extreme

events such as rising temperatures, sea-level rise, floods, droughts and cyclones to predict and understand the dynamics of fish stocks and their implications for future food production systems.

"The effects of these events are already being observed in the ocean and coastal areas, affecting fish stocks," he told *The Star*.

The observations were based on UMT's Institute of Marine Biotechnology climate change laboratories' study.

Prof Mazlan said the impact of climate change was greater in tropical regions of Asia, where temperatures are higher, contributing to the reduction of fish stocks.

Citing an example, he said wild ikan siakap (barramundi) has become scarce in waterways and that most of it sold in the domestic market presently was farmed fish.

"Our study found that the body size of the fish has become smaller compared to the past 20 years due to over-fishing activities and the effects of climate change.

"Overfishing causes small fish

to be caught before they grow, and warming of the sea affects fish eggs and reproduction," he said, adding that the size of a variety of fishes had shrunk about 10%.

UMT fishing gears technology and fisheries ecology senior lecturer Mohd Fazrul Hisham Abd Aziz said climate change and uncontrolled fishing activities have led to declining fish hauls off Terengganu, pointing to the ongoing hot weather.

"Sudden temperature rises can lead to the loss of marine habitats and species.

"Shifting ocean currents and warming waters are changing the distribution of fish stocks and altering the structure of ecosystems," he added.

Mohd Fazrul said climate change might also deprive juvenile fish of their most important early food supply - plankton and zooplankton.

He confirmed that the size of fish was shrinking compared to the average size of various types of fish.

"Fish reproduction depends on food, habitat, ecological factors

and environmental factors such as water quality and sea temperature changes," he pointed out.

As such, he said temperature changes caused by climate change might alter food quality and distribution of fish.

"Like other marine life, fish will look for a suitable place. And based on the current situation, there is a possibility that fish will migrate to a more suitable environment," he said.

Mohd Fazrul said coastal fishermen in Terengganu had been struggling due to dwindling catches over the past year, adding that climate change had also affected their livelihood.

"Fishermen used to be able to catch 100kg in just one trip, but now they only get 2kg to 4kg," he added.

He said Terengganu fishermen have been unable to venture out to sea as often due to the severe weather changes.

"The climate is constantly changing. And very often, the waves are tremendous," he said, lamenting that their boats were not equipped to deal with rough seas.

Citing another example of how changing weather patterns impacted Terengganu fishermen, he said they used to go out to sea as early as 4am.

These days, it was delayed till between 10am and 11am due to undercurrent changes, he added.

"Last year, fishermen could not go fishing for up to a week every month. And only two to three trips were made this January due to bad weather," he said.

Mohd Fazrul also said that illegal, unreported and unregulated (IUU) fishing in Malaysian waters led to losses of RM2.1bil between 2020 and 2021.

"Despite the Fisheries Department's efforts to enforce the rules, many are willing to take the risk of carrying out such fishing," he said.

Based on marine research from his team, he said climate change and uncontrolled fishing activities could cause a drop of about 40% in fish catch in Terengganu.

Mohd Fazrul said another factor that led to dwindling fish population was trawl net fishing boats crossing into other waterway zones.